

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat 8 April 2022



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR
MAC 2022**

**Indeks Kos Bahan Binaan Malaysia terus meningkat sejajar dengan
peningkatan dalam kebanyakan bahan binaan**

PUTRAJAYA, 8 APRIL 2022 – Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **SIARAN UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR MAC 2022** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan Indeks Kos Binaan (IKB) tanpa bar keluli dan termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan & kawasan dan indeks harga seunit bahan binaan utama.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) (tanpa bar keluli & termasuk bar keluli) bagi kesemua kategori bangunan telah meningkat di antara 0.1 dan 1.6 peratus di Semenanjung Malaysia, Sabah di antara 0.1 dan 0.9 peratus dan Sarawak di antara 0.1 dan 2.6 peratus. IKB tanpa bar keluli bagi semua kawasan di Semenanjung Malaysia meningkat sebanyak 0.1 dan 1.0 peratus bagi hampir semua kategori bangunan. Kategori bangunan yang merekodkan peningkatan tertinggi ialah Bangunan Konkrit Bertetulang (K.T.) 5 Tingkat dan Lebih (Untuk Pejabat), Bangunan K.T. Satu Tingkat, Bangunan (K.T.) 2-4 Tingkat Berbumbung Rata dan Bangunan (K.T.) 2-4 Tingkat (Berbumbung Curam)

di Terengganu, Kelantan, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan. IKB tanpa bar keluli di Sabah dan Sarawak meningkat di antara 0.1 dan 2.6 peratus bagi hampir semua kategori bangunan. Kategori bangunan dengan peningkatan tertinggi di Sabah dan Sarawak adalah Bangunan (K.T.) 5 Tingkat dan Lebih (Untuk Pejabat) dan Bangunan (K.T.) 5 Tingkat dan Lebih (Untuk Penginapan) di Sandakan dan Cerucuk (K.T.) di Kuching.”

IKB dengan bar keluli bagi semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak meningkat di antara 0.1 dan 1.9 peratus bagi hampir semua kategori bangunan. Kategori bangunan yang merekodkan peningkatan tertinggi di Semenanjung Malaysia ialah Bangunan (K.T.) 5 Tingkat dan Lebih (Untuk Pejabat) di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan dengan 1.6 peratus, Sandakan di Sabah dengan 0.9 peratus bagi Bangunan (K.T.) 5 Tingkat dan Lebih (Untuk Penginapan) dan Bangunan (K.T.) 5 Tingkat dan Lebih (Untuk Pejabat) dan Kuching di Sarawak dengan 1.9 peratus bagi Cerucuk (K.T.).


Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin menjelaskan purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *mycon 60 high tensile deformed bars* meningkat 0.9 peratus berbanding 2.2 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan tertinggi bagi besi direkodkan di Sarawak (1.9%) dan diikuti oleh Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor dengan 1.7 peratus.

Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin seterusnya menambah kenaikan harga bagi kebanyakan bahan binaan seperti simen, besi, batu baur, pasir, batu bata & dinding, bahan bumbung dan bahan siling pada Mac 2022. Kenaikan harga besi adalah disebabkan oleh pengurangan kos bahan mentah bagi negara-negara pengeluar besi. *World Steel Association* melaporkan pengeluaran besi mentah dunia bagi 64 buah negara ialah 142.7 juta metrik tan (mt) pada Februari 2022, penurunan 5.7 peratus berbanding Februari 2021. Pada Februari 2022, China dan Jepun antara pengeluar besi terbesar mencatatkan penurunan dalam pengeluaran besi berbanding setahun yang lalu. China mengeluarkan 75.0 mt keluli, penurunan sebanyak 10.0 peratus, manakala Jepun mengeluarkan 7.3 mt keluli (-2.2%) berbanding Februari 2021. Harga keluli turut meningkat ekoran daripada peperangan Rusia-Ukraine kerana kedua-dua

negara ini merupakan antara negara pengeluar keluli yang terbesar. Ianya telah memberi kesan gangguan rantaian bekalan global.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Mac 2021-Mac 2022



Jadual 1: Perubahan indeks harga seunit bahan binaan mengikut kawasan di seluruh Malaysia (Perubahan mata indeks berbanding bulan sebelumnya)

Bahan Binaa	Kawasan	Mac/Feb
		2022
Simen	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	0.4
	F - Terengganu & Kelantan	0.3
	H - Sandakan	2.5
	J - Kuching	2.6
	L - Miri	1.5
Besi	A - Pulau Pinang, Kedah & Perlis	1.0
	B - Perak	2.0

Bahan Binaa	Kawasan	Mac/Feb
		2022
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	2.4
	F - Terengganu & Kelantan	1.8
	G - Kota Kinabalu	0.2
	J - Kuching	1.2
	K - Sibu	2.7
Batu Baur	A - Pulau Pinang, Kedah & Perlis	0.8
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	0.8
	F - Terengganu & Kelantan	0.5
	J - Kuching	0.9
Pasir	A - Pulau Pinang, Kedah & Perlis	0.8
	B - Perak	0.7
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	0.6
	F - Terengganu & Kelantan	2.3
Batu batu & Dinding	B - Perak	0.4
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	1.2
	E - Pahang	0.3
	F - Terengganu & Kelantan	1.8
	J - Kuching	3.0
	K - Sibu	0.5
Bahan bumbung	B - Perak	1.0
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	0.8
	D - Johor	0.1
	H - Sandakan	2.0
	L - Miri	1.8
Bahan siling	A - Pulau Pinang, Kedah & Perlis	0.3
	B - Perak	3.8
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	2.9
	F - Terengganu & Kelantan	1.0

Nota:

K.T.=Konkrit Bertetulang

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 APRIL 2022

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday 8th April 2022



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
INDEX FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS
MARCH 2022**

***Malaysia Building Materials Cost Index continued to increase in line with
increases in most of building materials***

PUTRAJAYA, 8th APRIL 2022 – The Department of Statistics Malaysia published the **RELEASE for BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, MARCH 2022** today. This release presents the Building of Cost Material Index (BCI) without steel bars and with steel bars by building category & region and the unit price index of major building materials.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The Building Materials Cost Index (BCI) (without steel bars & with steel bars) increased for all building category between 0.1 and 1.6 per cent for Peninsular Malaysia, Sabah between 0.1 and 0.9 per cent and Sarawak between 0.1 and 2.6 per cent. The BCI without steel bars for all region in Peninsular Malaysia increased between 0.1 and 1.0 per cent for almost all building categories. Building categories that recorded the highest increase was 5 Storey and Above Reinforced Concrete (R.C.) Building (For Office), Single Storey (R.C.) Building, 2–4 Storey (R.C.) Building (Flat Roof) and 2–4 Storey (R.C.) Building (Pitched Roof) in Terengganu, Kelantan, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka and Negeri Sembilan. The BCI

without steel bars in Sabah and Sarawak increased between 0.1 and 2.6 per cent for almost all categories of building. Building categories with highest increase in Sabah and Sarawak were 5 Storey and Above (R.C) Building (For Office) and 5 Storey and Above (R.C) Building (For Accommodation) in Sandakan and (R.C.) Piling in Kuching.”

The BCI with steel bars for all region in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak increased between 0.1 and 1.9 per cent for almost all building categories. Building categories that recorded the highest increase in Peninsular Malaysia was 5 Storey and Above (R.C.) Building (For Office) in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka and Negeri Sembilan with 1.6 per cent, Sandakan in Sabah with 0.9 per cent for 5 Storey and Above (R.C.) Building (For Accommodation) and 5 Storey and Above (R.C.) Building (For Office) and Kuching in Sarawak with 1.9 per cent for (R.C.) Piling.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained the unit price index for steel which consists of mild steel round bars and mycon 60 high tensile deformed bars increased 0.9 per cent as compared to 2.2 per cent in the previous month. The highest increase in steel was recorded in Sarawak (1.9%) and followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan and Johor with 1.7 per cent.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin further added almost all building materials such as cement, steel, aggregates, sand, bricks & wall, roofing materials and ceiling materials increased in March 2022. The hike in steel price for instance was attributed to the incline in cost of raw materials for steel producer countries. Report by World Steel Association stated the world crude steel production for 64 countries was 142.7 million tonnes (mt) in February 2022, a 5.7 per cent decrease as compared to February 2021. In February 2022, China and Japan, among the biggest producers of steel, recorded decreases in steel production as compared to a year ago. China produced 75.0 mt of steel, a decline of 10.0 per cent, while Japan produced 7.3 mt of steel (-2.2%) as compared to February 2021. The steel prices also went up due to the Russia-Ukraine war, as these two countries are among the largest steel producers in the world. This has caused a global supply chain disruption.

The Department of Statistics Malaysia is conducting Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to

31st December 2022. The Department gratefully appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM officer's and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Chart 1: Average Price of Steel, Malaysia, March 2021-March 2022




Table 1: Changes in unit price indices for building materials by region across Malaysia (Changes in indices points as compared to the previous month)

Building Materials	Region	March/Feb
		2022
Cement	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	0.4
	F - Terengganu & Kelantan	0.3
	H - Sandakan	2.5
	J - Kuching	2.6
	L - Miri	1.5
Steel	A - Pulau Pinang, Kedah & Perlis	1.0
	B - Perak	2.0
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	2.4
	F - Terengganu & Kelantan	1.8
	G - Kota Kinabalu	0.2

Building Materials	Region	March/Feb
		2022
	J - Kuching	1.2
	K - Sibu	2.7
Aggregates	A - Pulau Pinang, Kedah & Perlis	0.8
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	0.8
	F - Terengganu & Kelantan	0.5
	J - Kuching	0.9
Sand	A - Pulau Pinang, Kedah & Perlis	0.8
	B - Perak	0.7
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	0.6
	F - Terengganu & Kelantan	2.3
Bricks & Wall	B - Perak	0.4
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	1.2
	E - Pahang	0.3
	F - Terengganu & Kelantan	1.8
	J - Kuching	3.0
	K - Sibu	0.5
Roofing Materials	B - Perak	1.0
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	0.8
	D - Johor	0.1
	H - Sandakan	2.0
	L - Miri	1.8
Ceiling Materials	A - Pulau Pinang, Kedah & Perlis	0.3
	B - Perak	3.8
	C - Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	2.9
	F - Terengganu & Kelantan	1.0

Note:

R.C.= Reinforced Concrete

Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

8th APRIL 2022